

21/04/1998

Kerajaan tidak paksa bergabung

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan tidak memaksa mana-mana syarikat kewangan, broker saham atau telekomunikasi bergabung jika proses itu menimbulkan pelbagai masalah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada makna penggabungan syarikat jika akibatnya nanti, ia tidak boleh berfungsi dengan baik, gagal mewujudkan kerjasama dan ramai kakitangan kehilangan kerja.

Beliau diminta menjelaskan lebih lanjut kenyataannya berhubung penggabungan firma broker saham dan syarikat kewangan ketika berucap di Johor Bahru, semalam.

"Tidak kira yang mana satulah... sama ada bersatu dengan bank induk atau cantum (dengan firma lain) tetapi kita tidak mahu ia menyebabkan masalah kerana firma broker itu pun ada peranannya.

"Kadang-kadang dia tak boleh bergabung dan kita tidak ada paksaan. Kita tidak mahu menyebabkan (kakitangan) kehilangan dan sebagainya," katanya sambil menegaskan kerajaan tidak mahu mendesak penggabungan kecuali ia dilakukan dengan bijaksana.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bersama Pemindahan Tanah Perkuburan Hokkien Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur ke Semenyih di sini, petang ini.

"Kita tidak lebih suka (penggabungan) tapi kalau nak bergabung ia tidak dilakukan dengan cara yang tidak berfikir panjang. Nanti timbul masalah," kata Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun menegaskan, sesuatu penggabungan akan menghasilkan firma baru yang lebih kukuh dan kedudukan kewangannya lebih baik.

"Kadang-kadang apabila kita bergabung, mungkin mereka tidak boleh berfungsi dengan betul, mereka tidak boleh kerja bersama, banyak yang hilang kerja dan sebagainya. Semua perkara ini mesti diambil kira," katanya.

(END)